

Bahagian B
[30 markah]

Soalan 21

Padankan perkataan yang betul bagi melengkapi ayat-ayat yang berikut.

(a) _____, lembu itu sudah beranak!

Amboi

(b) _____, rajinnya anak ibu membuat kerepek pisang!

Wahai

(c) _____ adikku, marilah kita membantu ayah di kandang kambing!

Eh

[2 markah]

Soalan 22

Pilih perkataan yang paling sesuai bagi mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

pernah

dapat

mesti

sedang

hendak

baru

telah

belum

- (a) Nazim _____ melayari Internet untuk mencari pokok hiasan yang diinginya.
- (b) Pengusaha belacan itu _____ mengalami kegagalan sebelum berjaya.
- (c) Encik Jason _____ mendapat berita tentang kejayaan adiknya dalam bidang pertanian.
- (d) Puan Soh berasa sangat bimbang kerana suaminya _____ pulang dari menangkap ikan di laut.
- (e) Mizi ke pasar tani kerana _____ membantu ayahnya menjual sayur-sayuran dan buah-buahan.

[5 markah]